

**MAJLIS PERBANDARAN JASIN,  
77000 JASIN,  
MELAKA.**

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN PELAN PROJEK PERUMAHAN**

1. Satu papantanda yang menunjukkan nama pemaju, nama tuan tanah, nombor fail pelan, tarikh kelulusan, Akitek, Jurutera Perunding dan Pemborong hendaklah didirikan di kawasan pembinaan dan ditulis dalam Bahasa Malaysia. Permohonan untuk papantanda perlu kelulusan dan mendapat permit dari Majlis Perbandaran Jasin.
2. Butir-butir kiraan konkrit tetulang (reinforced concrete), pile test hendaklah dikemukakan sebelum kerja-kerja dimulakan.
3. Pelan-pelan yang perlu diluluskan sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan dimulakan:-
  - 3.1. 6 salinan pelan kerja tanah (earthworks plan);
  - 3.2. 6 salinan pelan jalan & parit;
  - 3.3. 6 salinan pelan sistem pelupusan najis.
4. Semua rezab jalan, lorong, parit, kawasan lapang (kecuali tangki septik individu) dan rezab Kerajaan diserahkan kepada Kerajaan dengan percuma.
5. Kawasan lapang diratakan dan ditanam dengan rumput. Kemukakan pelan dan memasang alat-alat permainan kanak-kanak yang dipersetujui oleh Bahagian Lanskap & Pengindahan, Majlis Perbandaran Jasin.
6. Kemukakan pelan lanskap yang dipersetujui oleh Bahagian Lanskap & Pengindahan, Majlis Daerah Jasin untuk ditanam di rezab jalan dan kawasan lapang.
7. Kemukakan cadangan nama taman dan nama jalan, Pemaju dikehendaki memasang papantanda-papantanda dalam tulisan rumi dan jawi yang dipersetujui oleh Bahagian Lanskap & Pengindahan, Majlis Perbandaran Jasin.
8. Sebuah tong sampah disediakan untuk setiap rumah mengikut kelulusan Majlis Perbandaran Jasin dan tempat pembuangan setempat juga perlu disediakan.
9. Kemukakan 6 set pelan lampu awam ke Majlis Perbandaran Jasin untuk kelulusan. Lampu-lampu awam hendaklah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Jasin dengan percuma sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.
10. Pembinaan bangunan hendaklah mengikut pelan yang diluluskan dan mematuhi kehendak-kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1974. Pindaan pada pelan yang diluluskan perlu mendapatkan kelulusan dari Majlis Perbandaran Jasin terlebih dahulu.
11. Pembinaan jalan keluar masuk, jalan, lorong, susur, kerb, papantanda dan garisan hendaklah mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya. Surat pengesahan daripada Jabatan kerja Raya diperlukan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan. Pembinaan longkang konkrit dalaman dan keluaran hendaklah dibina mengikut kecerunan yang sesuai hingga ke takat pembuangan akhir (final discharge point).
12. Mematuhi kehendak-kehendak dan keperluan Jabatan Bomba & Penyelamat. Surat pengesahan daripada Jabatan Bomba & Penyelamat diperlukan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.

13. Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, telefon disediakan oleh pemaju mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Perbadanan Air Melaka, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia.
14. Kerja-kerja binaan awal hingga siap kerja hendaklah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Jasin melalui borang A dan B.
15. Pelan yang diluluskan ini dikuatkuasa selama 2 tahun mulai .....
16. Bayaran sumbangan infrastruktur hendaklah dijelaskan sebelum pelan jalan & parit diluluskan dalam bentuk tunai/cek diatas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin.
17. Perlu kemukakan Borang berperingkat (Borang G1-Borang G21) berserta Borang F yang mengandungi no siri daripada LAM (Lembaga Arkitek Malaysia).

(HJ. MURAD BIN HJ. HUSIN),  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Jasin,  
Melaka.